

BH
30/9/2015
mls 6

116 insan kurang upaya sertai kem khas

» Program bertujuan tingkat keyakinan, kesediaan dalam pembelajaran, bersosial

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

► Rembau

Seramai 116 murid dan pelajar kurang upaya dari semua 33 sekolah pendidikan khas di seluruh negara berkampung di Kem Bina Negara Ulu Sepri di sini, baru-baru ini bagi mengikuti kem khas yang pertama kali dianjurkan untuk mereka.

Program berkenaan diadakan khusus sebagai usaha kementerian untuk meningkatkan keyakinan dan kesediaan murid berkeperluan khas dalam pembelajaran dan bersosial.

Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Zaleha Osman, berkata Kem Pemantapan Jati Diri dan Kecemerlangan Murid Berkeperluan Khas, Sekolah Pendidikan Khas, peringkat kebangsaan, itu bertujuan memberi pengalaman baharu kepada murid terbabit.



Murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah turut diberikan pengisian program yang bermanfaat seperti teknik menjawab soalan peperiksaan dan latihan dalam kumpulan.

tihan dalam kumpulan (LDK) bagi membina keyakinan diri untuk berinteraksi dan bersosial dengan masyarakat," katanya.

Penolong Pengarah Unit Pemulihan Khas, Bahagian Pemulihan Khas Kementerian Pendidikan, Suhaimee Sulaiman, berkata program berkenaan menunjukkan kesan yang baik apabila semua peserta memberi maklum

rakan sebaya (PRS) dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail, Pedas, di sini, turut dipanggil menjadi fasilitator program berkenaan.

93 guru sertai program motivasi

Sementara itu, dalam kem sama, 93 guru sekolah pendidikan khas

kelas," katanya.

Seorang peserta, Mohd Syafiq Mohd Zin, 18, yang mengalami masalah pembelajaran, berkata program berkenaan membuatnya lebih bersyukur dalam hidup kerana menyedari kekurangannya tidak begitu besar berbanding peserta lain.

"Saya lebih gembira kerana yakin boleh memainkan peranan



“Selama empat hari di situ, mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu murid sekolah rendah dan menengah serta diberikan pengisian program yang bermanfaat untuk masa depan masing-masing”

Zaleha Osman,
Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan

Katanya, selama empat hari di situ, mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu murid sekolah rendah dan menengah serta diberikan pengisian program yang bermanfaat untuk masa depan masing-masing.

“Murid sekolah menengah, iaitu kumpulan murid Tingkatan Empat dan Lima, mengikuti seminar gerak gempur Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendedahkan mereka kepada teknik menjawab soalan peperiksaan.

Bina keyakinan diri berinteraksi

“Satu lagi kumpulan mengikuti aktiviti *fun learning*, terutama la-

balas positif.

“Mereka yang terdiri daripada murid pekak, bisu, buta dan mengalami masalah pembelajaran, dibiarkan bergaul sepanjang masa, termasuk ketika waktu santai dan malam supaya mereka belajar berinteraksi dengan orang lain.

“Hasilnya, kita lihat mereka mula berkawan dan saling membantu menggunakan kelebihan masing-masing untuk mengimbangi kekurangan rakan sepanjang program berlangsung,” katanya sambil menegaskan Kementerian sentiasa mengawasi keselamatan peserta.

Beliau berkata, 16 pembimbing

turut diberi perhatian dengan program motivasi dan perkongsian pengalaman bersama tenaga pengajar senior, termasuk dua wakil Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA).

Seorang daripada mereka, Kayo Kawakami, berkata sebenarnya guru pendidikan khas menghadapi banyak tekanan dalam menjalankan tugas, yang kadang kala tidak disedari orang ramai termasuk ibu bapa.

“Kita mahu guru terbabit terus bersemangat dan tidak berasa terpinggir, justeru banyak petua dan kaedah pengajaran yang kita kongsi dan kaji bersama-sama supaya boleh dipraktikkan di dalam

ruang membantu orang lain yang memerlukan, terutama rakan-rakan yang mengalami masalah pendengaran, penglihatan dan percakapan,” katanya.

Murid cacat penglihatan, Lean Yew Lin, 17, yang bakal menduduki SPM tidak lama lagi, berkata program itu membolehkannya mengetahui teknik untuk mendapatkan markah yang maksimum ketika menjawab soalan.

“Tip daripada tenaga pengajar serta penceramah yang berpengalaman luas dalam membuat dan menanda kertas soalan SPM ini membuatkan saya lebih yakin untuk mendapatkan keputusan cemerlang,” katanya.



“

Kita mahu guru terbabit terus bersemangat dan tidak berasa terpinggir, justeru banyak petua dan kaedah pengajaran yang kita kongsi dan kaji bersama-sama supaya boleh dipraktikkan di dalam kelas”

Kayo Kawakami,
Wakil Agensi Kerjasama
Antarabangsa Jepun



Antara peserta yang mengikuti Kem Pemantapan Jati Diri dan Kecemerlangan Murid Berkeperluan Khas Sekolah Pendidikan Khas peringkat kebangsaan di Kem Bina Negara Ulu Sepri, baru-baru ini.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]